

Headline	Pusat dialisis hargai jasa LamThye
MediaTitle	Utusan Malaysia
Date	03 Dec 2015
Language	Malay
Section	Dlm Negeri
Color	Full Color
Page No	28



Pusat dialisis hargai jasa LamThye

KUALA LUMPUR 2 Dis. - Pusat Dialisis Amal MAA Medicare di sini didedikasikan kepada aktivis masyarakat, Tan Sri Lee Lam Thye sebagai menghargai komitmen serta sumbangan beliau kepada pesakit buah pinggang.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Amal MAA Medicare, Aliyah Karen berkata, sebagai salah seorang pengasas yayasan itu yang ditubuhkan 20 tahun lalu, Lam Thye telah banyak berjasa dalam mengembangkan yayasan tersebut.

"Beliau telah dilantik menjadi Ahli Pemegang Amanah MAA Medicare pada tahun 1994.

"Beliau juga telah menjalankan pelbagai program kebajikan untuk pesakit di sini antaranya Tabung Kebajikan Pesakit dan Kids@ Medicare yang sehingga kini masih terus membantu pesakit miskin serta anak-anak mereka.

"Melalui program itu, pesakit yang kurang berkemampuan serta anak-anak mereka yang masih bersekolah diberi subsidi tamba-

han, bantuan bulanan dan kelengkapan sekolah," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar mengenai penganugerahan penghormatan kepada Lam Thye di sini.

Sementara itu, Lam Thye berkata, sebagai salah seorang pemegang amanah, beliau sedaya

upaya membantu pusat tersebut mendapatkan dana untuk membeli mesin dialisis bagi pesakit buah pinggang.

"Harga untuk mendapatkan rawatan dialisis di luar agak tinggi lebih-lebih lagi jika dilakukan di hospital swasta.

"Sehubungan itu, dengan adanya pusat dialisis ini pesakit boleh mendapatkan rawatan dengan harga yang berpatutan tanpa membebankan hidup mereka.

"Jumlah pesakit buah pinggang pada masa ini amat tinggi iaitu sebanyak 33,000 orang. Oleh itu pusat dialisis amal seperti ini amat diperlukan oleh pesakit lebih-lebih lagi bagi mereka yang kurang berkemampuan," ujarnya.



LEE LAM THYE (kanan) beramah mesra dengan pesakit buah pinggang M. Thiyagajah (kiri) dan isterinya, Sarojani T. S Maniam di Pusat Dialisis Amal MAA Medicare di Kuala Lumpur, baru-baru ini. - UTUSAN/FAIRUZ IZYANA AYUB